



**NOTIS PEMBERITAHUAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)  
HAD WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN**

---

**KEPADА :** SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI  
**TARIKH :** 5 MEI 2020



**SILA AMBIL PERHATIAN!** Selaras dengan pengumuman Kerajaan berkaitan **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)**, hampir semua premis perniagaan dibenarkan beroperasi dengan syarat perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).


Pihak Majlis membernarkan semua premis atau pengusaha yang **mempunyai lesen perniagaan dari Majlis Bandaraya Iskandar Puteri yang SAH sahaja** untuk beroperasi. **SEMUA** aktiviti premis perniagaan atau aktiviti perniagaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI** sepanjang tempoh PKPB diarahkan bagi dihadkan waktu operasi seperti berikut:


BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI YANG DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN / ARAHAN
1.	a) Hospital & Klinik b) Klinik Pergigian c) Kedai Farmasi (sektor kesihatan) d) Pusat Diagnostik e) Fasiliti Perubatan Tradisional dan Komplimentari f) Pusat Bersalin g) Pusat Fisoterapi/rehabilitasi h) Pusat Dialisis i) Optometri j) Makmal perubatan	Seperti Biasa	Secara Berjadual	i) Pelaksanaan langkah-langkah kawalan dan pencegahan penularan penyakit berjangkit melalui saringan suhu badan, penyediaan hand sanitizer, penjarakan sosial serta lain-lain perkara yang telah digariskan oleh KKM. ii) Wujudkan sistem temujanji secara online (telefon/emel/whatsapp). iii) Tidak menggalakkan pelanggan walk-in kecuali keemasan. iv) Menghadkan kehadiran pengiring kecuali untuk anak kecil atau warga tua yang memerlukan bantuan. v) Menghadkan bilangan pintu masuk ke premis supaya pergerakan keluar masuk pelanggan boleh dikawal.

BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI YANG DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN / ARAHAN
2.	<b>a) Institusi Perbankan &amp; ATM</b> <b>b) Insurans/ takaful</b> <b>c) Kewangan Pembangunan</b> <b>d) Ejen Perbankan</b> <b>e) Pengantara diluluskan dan berdaftar bagi perkhidmatan kewangan</b>	Seperti Biasa	Seperti Biasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Penyediaan hand sanitizer untuk kegunaan pelanggan.</li> <li>ii) Amalan penjarakan sosial serta saringan suhu pekerja dan pelanggan.</li> <li>iii) Galakkan pelanggan membuat temujanji sebelum mengunjungi premis.</li> <li>iv) Jika boleh, kurangkan keperluan pelanggan menyentuh alatan di premis seperti skrin sistem beratur dan alat tulis.</li> </ul>
3.	<b>Stesen Minyak bersama Mart/Serbaneka</b>	Seperti Biasa	Seperti Biasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID-19 bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes jangkitan COVID-19.</li> </ul>
4.	<b>Pasar Awam Milik MBIP</b> <b>a) Pasar Awam/ persendirian/ Pasar Segar Terkawal</b>	5.00 pagi Hingga 7.00 petang	6.00 pagi Hingga 2.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Keperluan merekod kehadiran serta suhu badan pekerja setiap hari.</li> <li>ii) Saringan kesihatan COVID-19 kepada semua pekerja warga asing yang memegang permit yang sah.</li> <li>iii) Memastikan jarak 1 meter antara setiap pelanggan semasa pembelian.</li> <li>iv) Disinfeksi bangunan setiap hari selepas operasi. Jarak antara meja/ gerai adalah 2 meter (pasar segar terkawal)</li> </ul>

BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI YANG DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN / ARAHAN
5.	i) Restoran ii) Kedai Makan iii) Medan Selera/ Pusat Penjaja iv) Gerai Makan (Berbungung) v) Kiosk vi) Gerai Makan milik MBIP vii) Panjaja static (warung/gerai)	5.00 pagi hingga 12.00 pagi	7.00 pagi Hingga 10.00 malam	i) Keperluan merekod kehadiran termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon, serta suhu badan pekerja dan setiap pelanggan setiap hari. ii) Pastikan sediakan tempat cuci tangan lengkap dengan sabun. iii) Susun atur meja, dengan jarak 2 meter antara meja bagi membolehkan penjarakan sosial paling minima 1 meter. iv) Premis perlu menyatakan dengan jelas bilangan pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa. v) Menggalakkan penggunaan peralatan makanan biodegradable pakai buang. vi) <b>Digalakkan</b> membuat tempahan secara atas talian untuk <i>take away/ dine in</i> . vii) Digalakkan membuat bayaran secara elektronik. viii) Tiada kerusi dan meja boleh diletakkan <b>di luar</b> premis perniagaan. ix) <b>Gerai milik MBIP</b> hanya dibenarkan aktiviti bungkus ( <i>take away</i> ) dan penghantaran ( <i>delivery</i> ) sahaja.
6.	i) Penjaja Tepi Jalan (sementara) ii) Penjaja Beredar iii) Trak Sajian (Foodtruck)	5.00 pagi Hingga 12.00 pagi	7.00 pagi Hingga 10.00 malam	i) Keperluan merekod suhu badan pekerja setiap hari pada awal waktu operasi. ii) Kepentingan untuk menghadkan bilangan pelanggan di kawasan perniagaan pada satu-satu masa dan bersesak-sesak. iii) Tidak dibenarkan berkumpul semasa menunggu pesanan. iv) Hanya <b>dibenarkan</b> jualan <b>secara bungkus</b> ( <i>take away</i> ), <b>penghantaran</b> ( <i>delivery</i> ) sahaja. v) Menggalakkan penggunaan peralatan makanan biodegradable pakai buang.




BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI YANG DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN / ARAHAN
7.	i) Pasaraya mini ii) Kedai Runcit iii) Kedai Serbaneka	 7.00 pagi hingga 9.00 malam	 8.00 pagi Hingga 8.00 malam	i) Semua pekerja diwajibkan untuk memakai face mask. ii) Kepentingan menghadkan bilangan pelanggan dalam premis pada satu-satu masa. iii) Mengamalkan penjarakan sosial serta menghadkan bilangan pelanggan berada dalam premis pada satu-satu masa. iv) Penggunaan penanda di lantai terutamanya di kawasan sesak seperti di kaunter pembayaran (jarak 1 meter). v) Digalakkan pembayaran tanpa wang tunai- cashless (e-wallet, kad kredit dan lain-lain).
8.	i) Kedai Pakaian ii) Aksesori Fesyen	 8.00 pagi hingga 10.00 malam	 9.00 pagi hingga 10.00 malam	i) Mengambil dan merekod suhu badan setiap pekerja. ii) Mewajibkan penggunaan hand sanitizer. iii) Mengamalkan penjarakan sosial serta menghadkan bilangan pelanggan berada dalam premis pada satu-satu masa. iv) Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 03 kali sehari dalam tempoh operasi. v) Tidak memberarkan aktiviti mencuba pakaian ( <b>fitting</b> ). vi) Menggalakkan pelanggan memakai face mask semasa berada di premis. vii) Digalakkan membuat bayaran secara elektronik- cashless (e-wallet, kad kredit dan lain-lain).
9.	i) Pajak Gadai & Kredit Komuniti  ii) Ar- Rahnu Koperasi	 8.30 pagi hingga 5.00 petang  9.00 pagi hingga 2.00 petang	 9.00 pagi hingga 4.30 petang  9.00 pagi hingga 2.00 petang	i) Mewajibkan penggunaan hand sanitizer atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun. ii) Memastikan penjarakan sosial diamalkan semasa berrusuran iii) Proses sanitasi dan pembersihan hendaklah dilaksanakan sebelum dan selepas operasi. Kapasiti pekerja adalah 2 orang ( <b>pajak gadai dan kredit komuniti</b> ). iv) Luas pintu masuk/ pintu gril untuk seorang pelanggan sahaja.

BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI YANG DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN / ARAHAN
10.	i) Kompleks Beli Belah ii) Departmental Store iii) Pasaraya/ Pasaraya Besar iv) Farmasi/ Penjagaan Diri v) Mini Mart/ Kedai Serbaneka 24jam	8.00 pagi hingga 11.00 malam	10.00 pagi Hingga 10.00 malam	 <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Memastikan semua staf, pembekal dan pelanggan melalui proses saringan suhu badan.</li> <li>ii) Hand sanitizer disediakan di pintu masuk dan pastikan penggundanya sebelum masuk.</li> <li>iii) Mewajibkan pemakaian face mask oleh pekerja ketika berurus.</li> <li>viii) Meminima kemasukan pelanggan ke dalam premis pada satu-satu masa tertakluk kepada saiz premis.</li> <li>ix) Mengamalkan penjarakan sosial serta menghadkan bilangan pelanggan berada dalam premis pada satu-satu masa.</li> <li>iv) Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan selepas beroperasi.</li> <li>v) Menghad laluan keluar masuk pelanggan ke premis.</li> <li>vi) Melaksana Program Kesedaran Awam.</li> <li>vii) Menyelaras dan memantau supaya semua peraturan dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan.</li> <li>viii) Digalakkan membuat bayaran secara elektronik- cashless (e-wallet, kad kredit dan lain-lain)</li> </ul>
11.	a) Kedai Perabot b) Kedai Emas c) Kedai Elektrik & Elektronik d) Kedai Buku & Alat Tulis e) Kedai Hardware f) Kedai Menjual Makanan Haiwan, Ubatan dan keperluan berkaitan g) Kedai Cermin Mata dan Alat Optik h) Kedai Barang Bayi  i) Perkhidmatan Dobi (Perkhidmatan Penuh) j) Dobi Layan Diri	9.00 pagi hingga 9.00 malam  8.00 pagi hingga 10.00 malam	10.00 pagi hingga 8.00 malam  9.00 pagi hingga 10.00 malam	 <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mengambil dan merekod suhu badan setiap pekerja.</li> <li>ii) Mewajibkan penggunaan hand sanitizer.</li> <li>iii) Mengamalkan penjarakan sosial serta menghadkan bilangan pelanggan berada dalam premis pada satu-satu masa.</li> <li>iv) Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 03 kali sehari dalam tempoh operasi.</li> <li>v) Menggalakkan pelanggan memakai face mask semasa berada di premis.</li> <li>vi) Digalakkan membuat bayaran secara elektronik- cashless (e-wallet, kad kredit dan lain-lain).</li> </ul> <p><b>Dobi Layan Diri</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>viii) Tiada kemudahan WiFi kepada pelanggan disediakan dalam tempoh PKP.</li> <li>ix) <b>Tidak dibenarkan aktiviti melipat baju di premis</b></li> </ul>

BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI YANG DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN / ARAHAN
12.	i) Bengkel Kenderaan ii) Penyelenggaraan Kenderaan iii) Alat Ganti Kenderaan iv) Kedai Tayar v) Kedai Cuci kereta vi) Kedai Aksesori Kenderaan	 7.00 pagi hingga 10.00 malam	 8.00 pagi Hingga 9.00 malam	i) Mengambil dan merekod suhu badan setiap pekerja. ii) Penyediaan hand sanitizer untuk kegunaan pelanggan iii) Pekerja diwajibkan dan pelanggan digalakkan memakai face mask semasa berada di dalam premis. iv) Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 03 kali sehari dalam tempoh operasi. v) Digalakkan membuat bayaran secara elektronik. vi) Notis peringatan perlu diletakkan dipremis iaitu: -memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis -menghadkan bilangan pelanggan berada dalam premis pada satu-satu masa
13.	i) Telekomunikasi & Internet ii) Pos dan Kurier iii) Penyiaran	 Seperti Biasa	 Seperti Biasa	i) Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ii) Butiran kehadiran (nama, alamat, no. tel) setiap pelanggan/tetamu pada setiap masa hendaklah direkodkan dan disimpan untuk tempoh 6 bulan bagi tujuan pengesanan kontak iii) Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID-19 bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes jangkitan COVID-19




BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI YANG DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN / ARAHAN
14.	<b>Hotel</b> a) <b>Penginapan</b> b) <b>Restoran</b>	Seperti Biasa  6.30 pagi hingga 9.00 malam	Seperti Biasa  6.30 pagi hingga 9.00 malam	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Tetamu dari perkhidmatan penting serta lain-lain sektor yang dibenarkan kerajaan.</li> <li>ii) Mengambil dan merekod maklumat peribadi termasuk suhu badan pekerja/ tetamu hotel/ penyedia perkhidmatan yang hadir ke premis.</li> <li>iii) Amalkan penjarakan sosial serta langkah pencegahan penyebaran jangkitan penyakit bagi pekerja dan tetamu</li> <li>iv) Menghadkan bilangan pengunjung di lobi hotel dalam satu-satu masa.</li> <li>v) Khidmat restoran (dine-in ala carte/ takeaway/ delivery/ room service sahaja).</li> <li>vi) Membuat kerja sanitasi dan pembersihan awam sekurangnya 2 kali sehari di kawasan umum.</li> <li>vii) <b>Larangan</b> terhadap penggunaan fasiliti/ kemudahan hotel kepada tetamu(sauna, spa, kolam renang, surau, gymnasium, lounge dan lain-lain)</li> </ul>
15.	i) <b>Semua sektor pembuatan</b> a) <b>Perusahaan</b> b) <b>Perindustrian</b>  ii) <b>Semua perkhidmatan ikhtisas dan profesional yang menjadi rantai kepada ekonomi</b>	Seperti Biasa	9.00 pagi hingga 6.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).</li> <li>ii) Kenderaan pengangkutan pekerja yang disediakan oleh syarikat perlu menjalani proses pembasmian kuman dan nyah kuman setiap kali selepas digunakan serta pelaksanaan penjarakan sosial bagi semua penumpang dalam kenderaan.</li> <li>iii) Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19)</li> </ul>

BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI YANG DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN / ARAHAN
16.	<b>Sukan Massa:</b> a) Aktiviti sukan secara individu b) Sukan kecergasan dan rekreasi c) Esports d) Sukan bermotor e) Penganjuran Acara Sukan	 6.30 pagi hingga 7.00 petang	 7.30 pagi hingga 7.30 petang	i) Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). ii) Menghadkan bilangan pengguna bagi setiap sesi tertakluk kepada kesesuaian dan kawal selia. iii) Proses sanitasi dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari terutamanya dikawasan umum termasuk pusat rekreasi tertutup, tempat pembuangan sampah/tong sampah. iv) Aktiviti melibatkan kanak-kanak memerlukan pengawasan rapi ibu bapa/ penjaga.
17.	<b>Sektor Pembinaan</b>	 Seperti biasa	 8.00 pagi hingga 5.30 petang (termasuk pekerja)	i) Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). ii) Kenderaan pengangkutan pekerja yang disediakan oleh syarikat perlu menjalani proses pembasmian kuman dan nyah kuman setiap kali selepas digunakan serta pelaksanaan penjarakan sosial bagi semua penumpang dalam kenderaan. iii) Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19)



BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI YANG DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN / ARAHAN
18.	<b>Sektor Penjagaan Sosial (Taska)</b>	<p><b>Operasi Biasa</b> 7.00 pagi hingga 6.00 petang</p> <p><b>Operasi Bersyif</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i 7.00 pagi hingga 3.00 petang</li> <li>ii 3.00 petang hingga 11.00 malam</li> <li>iii 11.00 pagi hingga 7.00 petang</li> </ul>	Seperti Biasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Melaksanakan saringan suhu badan sebelum masuk/ semasa berada/ sebelum balik setiap hari bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam,batuk, sakit tekak atau sesak nafas</li> <li>ii) Penggunaan face mask dalam kalangan kakitangan sepanjang masa berada di Taska.</li> <li>iii) Meletakkan label penjarakan sosial seperti tanda jarak 1 meter di lantai khususnya diruang makan, ruang tidur dan ruang membasuh.</li> <li>iv) Pengusaha, guru dan kakitangan perlu disahkan bebas COVID-19.</li> <li>v) Menjalankan proses sanitasi dan pembasmian kuman di taska setiap hari sekurang-kurangnya 2 kali sehari.</li> <li>vi) Guru &amp; kakitangan perlu diberikan latihan langkah-langkah kebersihan dan keselamatan, serta pelaksanaan aktiviti pencegahan penularan COVID-19.</li> <li>vii) Mengisi <b>Borang Akuan Pengisyiharan Kesihatan</b> oleh kanak-kanak, ibu bapa/ penjaga dan kakitangan sebelum Taska beroperasi. Kakitangan/ kanak-kanak pernah menjadi kontak rapat dengan orang disahkan positif COVID-19 atau baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan hadir ke taska dalam tempoh 14 hari.</li> </ul>

BIL	JENIS PERNIAGAAN	MASA OPERASI YANG DIBENARKAN	WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN	CATATAN / ARAHAN
19.	<b>Pusat Jagaan Orang Tua</b>	Seerti biasa	8.00 pagi hingga 4.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Melaksanakan saringan suhu badan sebelum masuk/ semasa berada/ sebelum balik setiap hari bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam,batuk, sakit tekak atau sesak nafas.</li> <li>ii) Penggunaan face mask dalam kalangan kakitangan sepanjang masa berada di pusat jagaan.</li> <li>iii) Meletakkan label penjarakan sosial seperti tanda jarak 1 meter di lantai khususnya diruang makan, ruang tidur dan ruang membasuh.</li> <li>iv) Pengusaha, dan kakitangan perlu disahkan bebas COVID-19.</li> <li>v) Menjalankan proses sanitasi dan pembasmian kuman di taska setiap hari sekurang-kurangnya 2 kali sehari.</li> <li>vi) Pengusaha dan kakitangan perlu diberikan latihan langkah-langkah kebersihan dan keselamatan, serta pelaksanaan aktiviti pencegahan penularan COVID-19.</li> <li>vii) Mengisi <b>Borang Akuan Pengisyiharan Kesihatan</b> oleh pelawat dan kakitangan sebelum Pusat jagaan beroperasi.</li> <li>viii) Kakitangan/ orang tua yang pernah menjadi kontak rapat dengan orang disahkan positif COVID-19 atau baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan hadir ke pusat jagaan dalam tempoh 14 hari.</li> </ul>

BIL	JENIS PERNIAGAAN	CATATAN / ARAHAN
20.	i) Busking ii) Karnival jualan iii) Pameran iv) Aktiviti sukan yang melibatkan sentuhan antara pemain serta pertandingan yang melibatkan perkumpulan/ perhimpunan orang ramai	 <b>TIDAK DIBENARKAN</b>
21.	a) Kedai Gunting/ Keriting Rambut b) Pusat/ Salun kecantikan c) Pusat Urut d) Pusat Estatik e) Pusat Refleksologi f) Panggung Wayang g) Pusat Karaoke h) Pusat Hiburan/ Kelab Malam i) Kedai Minuman (Pub) j) Taman Tema k) Muzium l) Pusat Perjudian (Jual nombor ramalan) m) Segala aktiviti sukan dalaman termasuk gymnasium n) Kolam renang o) Pasar Malam / Pasar Pagi/ Pasar Tani p) Penjaja bermusim menggunakan khemah q) Bazar Ramadan r) Bazar Raya s) Pusat Snuker t) Karnival/ Permit Lelongan Jualan	 <b>TIDAK DIBENARKAN</b>
22	Aktiviti – aktiviti perniagaan yang ingin beroperasi <b>tetapi tidak dinyatakan di dalam jadual</b> ini (Bil. 1 hingga 20) tidak dibenarkan beroperasi kecuali setelah mendapatkan kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta tetakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.	

## **Peringatan tentang Pelaksanaan Langkah-langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit:**

- i Semua pemilik/pengusaha premis diminta mengikuti **Langkah-langkah Kerja Pembersihan (Disinfeksi)** menggunakan cecair pencuci dengan kandungan sodium hypochlorite yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang diguna sama oleh orang ramai terutamanya troli, bakul barang, tombol pintu, kaunter bayaran, eskalator, nozzle pump, dan sebagainya **secara kerap atau sebaik-baiknya pada setiap kali digunakan.**
- ii Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 2 atau 3 kali sehari dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan umum atau guna sama seperti production floor, lobi, lif, surau, tandas, stor, pejabat, kaunter, kafeteria/ kantin, bilik mesyuarat, dewan serbaguna dan lain-lain.
- iii Mewajibkan/ menggalakan pemakaian topeng muka (face mask) kepada semua pekerja yang sedang bertugas mengikut jenis perkhidmatan.
- iv Semua pemilik/pengusaha premis perlu membuat pemeriksaan suhu semua pekerja yang hadir bekerja pada awal waktu masuk bekerja serta merekodkan kehadiran dan bacaan suhu pekerja setiap hari.
- v Pemilik/pengusaha diminta menyediakan pensanitasi tangan (hand sanitiser) berdas alkohol atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun untuk kegunaan pekerja/pelanggan serta penyediaan termometer bagi mengukur suhu badan pelanggan (**maksima 37.5 °C**) sebelum memasuki premis (**Mengikut pada kesesuaian jenis aktiviti serta SOP yang dikeluarkan oleh MKN**)
- vi Memantau jarak selamat (1 meter atau lebih) antara satu dengan yang lain sama ada dalam kalangan pengunjung mahupun pekerja di kawasan premis.
- vii Penggunaan penanda dilantai, terutamanya dikawasan sesak seperti dikaunter bayaran, ruang menunggu/beratur bagi memastikan jarak selamat sekurangnya 1 meter.
- viii Pemilik/ pengusaha premis makanan perlu nyatakan dengan jelas bilangan pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa untuk memenuhi penjarakan sosial. Susun atur meja, dengan jarak 2 meter antara meja serta setiap meja tidak melebihi 4 orang yang duduk semeja.
- ix Menggalakkan sistem temujanji secara atas talian/online terhadap pelanggan yang ingin berurus di premis dan juga sistem pesanan serta penghantaran secara atas talian bagi mengelakkan kesesakan atau orang ramai berkumpul dalam satu lokasi yang sama dalam tempoh yang Panjang.
- x Menggalakkan penggunaan peralatan makan jenis pakai buang biodegrasi (biodegradable).
- xi Menggalakkan kaedah pembayaran tanpa wang tunai atau cashless (e-wallet, kad kredit dan lain-lain) bagi premis yang mempunyai kemudahan ini terutamanya pasaraya mini, kedai runcit dan kedai serbaneka.
- xii Melaksanakan **lain-lain arahan dan tatacara operasi bagi setiap sektor** yang dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berdasarkan panduan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamaatan Negara bermula 2 Mei 2020.
- xiii Melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit lain yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.

- Pengusaha premis perniagaan diminta mematuhi arahan ini **BERMULA 5 MEI 2020** sehingga **12 MEI 2020 atau selagi tempoh PKPB berkuatkuasa** selaras dengan peruntukan kepada kuasa **Majlis Bandaraya Iskandar Puteri** di bawah **Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**.
- Premis perniagaan boleh di ambil tindakan dan ditutup jika pihak pengusaha/ peniaga gagal mematuhi **Standard Of Procedure (SOP)** yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kerajaan Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari masa ke semasa dan akan dipindah jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

